

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIE ANAK MONGIN  
[ PUNCAK BORNEO ]**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2019 [ KHAMIS ]**

**SOALAN NO. 32**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini cadangan penjenamaan semula Program Perumahan Rakyat (PPR) kepada Program Perumahan Malaysia (PPM). Adakah konsep baharu PPR ini lebih baik kepada golongan berpendapatan rendah B40 untuk mendapatkan kediaman.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, hasrat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menjenamakan semula Program Perumahan Rakyat (PPR) kepada Program Perumahan Malaysia (PPM) adalah masih di peringkat cadangan. Program ini akan melibatkan cadangan meningkatkan keluasan lantai minima unit rumah daripada 700kps kepada 900kps selaras dengan Dasar Rumah Mampu Milik Negara (DRMM) yang telah dilancarkan pada 11 Mei 2019.

2. Selain itu, melalui cadangan penjenamaan semula ini, harga jualan unit rumah PPR atau PPM juga akan dinilai semula pada harga RM300,000.00 dan ke bawah. Untuk makluman Yang Berhormat juga,

## NO SOALAN : 32

melalui program sedia ada, unit-unit PPR yang telah siap akan dijual dengan harga RM35,000.00 seunit di Semenanjung dan RM42,000.00 di Sabah dan Sarawak. Dalam hal ini, Kerajaan terpaksa menanggung penyediaan subsidi yang hampir mencecah RM150,000.00 bagi seunit rumah. Oleh yang demikian, KPKT berpandangan harga jualan tersebut perlu dinilai semula dan penyediaan subsidi yang tinggi di pihak Kerajaan adalah amat membebankan untuk jangka masa panjang.

3. Walaupun cadangan penjenamaan semula PPR ini akan melibatkan perbezaan harga rumah yang ketara, Kerajaan akan sedaya mampu menyediakan bantuan kepada golongan B40 ini untuk memiliki rumah melalui kaedah sewaan secara *Rent to Own* atau *end financing* tertentu yang sedang dalam peringkat rundingan antara KPKT dengan institusi kewangan.
4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, cadangan KPKT untuk penjenamaan semula PPR ini telah dipanjangkan kepada semua Kerajaan Negeri melalui surat bertarikh 20 Ogos 2019. Oleh yang demikian, sebarang pandangan dan ulasan yang diterima daripada Kerajaan Negeri akan diteliti dan diberi perhatian dalam cadangan penjenamaan semula PPR ini.

Sekian, terima kasih.